



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PELAKSANAAN KAEDAH TUTOR RAKAN SEBAYA (TRS) DALAM KALANGAN GURU KIMIA DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAERAH KLUANG DAN BATU PAHAT, JOHOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN KAEDEAH TUTOR RAKAN SEBAYA (TRS)  
DALAM KALANGAN GURU KIMIA DI SEKOLAH  
MENENGAH HARIAN DAERAH KLUANG  
DAN BATU PAHAT,  
JOHOR**

**THONG SHEAU PYNG**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KIMIA  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2013**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pind : 00 m/s: 1/1



- Sila tanda (✓)  
 Kertas Projek  
 Sarjana Penyelidikan  
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
 Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 (hari bulan) NOV. (bulan) 2013.

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, THONG SHEAU PYNG, M20102001021, FSMT (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PELAKSANAAN KAEDAH TUTOR RAKAN SEBAYA (TRS) DALAM KALANGAN GURU KIMIA DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAERAH KLUANG DAN BATU PAHAT, JOHOR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ABU HASSAN B. KASSIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN KAEDAH TUTOR RAKAN SEBAYA (TRS) DALAM KALANGAN GURU KIMIA DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAERAH KLUANG DAN BATU PAHAT, JOHOR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KIMIA (SLA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

19/11/2013

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**PROF. MADYA DR. ABU HASSAN KASSIM**

Pensyarah

Jabatan Kimia

Fakulti Sains & Matematik

Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Salam sejahtera.

Saya amat bersyukur kerana telah dapat menyempurnakan penyelidikan saya bagi memenuhi syarat mendapatkan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Kimia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama saya, Prof. Madya Dr. Abu Hassan Bin Kassim atas bimbingan, tunjuk ajar, bantuan, nasihat dan sokongan serta semangat yang diberikan telah membantu saya mengharungi cabaran dalam penyelidikan saya. Kesabaran dan usaha yang bersungguh-sungguh beliau dalam membimbing saya bagi menyiapkan disertasi ini amat saya hargai.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan UPSI kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran dalam program pendidikan kimia.

Ucapan terima kasih juga ingin saya rakamkan kepada penyelia bersama, Prof. Ramli Bin Ibrahim dan pensyarah serta rakan seperjuangan di UPSI yang banyak memberi dorongan dan sokongan kepada saya dalam menyempurnakan kajian saya.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pengetua-pengetua sekolah kerana membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah mereka dan semua guru yang terlibat atas kerjasama yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan kaedah tutor rakan sebaya (TRS) dalam pengajaran dan pembelajaran kimia di sekolah menengah harian. Kekangan dan faktor-faktor kekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS serta hubungan antara pengalaman mengajar guru kimia dengan pelaksanaan kaedah TRS juga dikaji. Kajian ini melibatkan kesemua 87 guru kimia daripada 44 buah sekolah menengah harian di daerah Kluang dan Batu Pahat, negeri Johor. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif, dengan menggunakan kaedah tinjauan, melalui soal selidik. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Pengiraan kekerapan diubah dalam bentuk peratusan dan mod ditentukan. Analisis statistik inferensi yang terlibat ialah ujian Khi Kuasa Dua dan korelasi Cramer V. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru kimia di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor adalah pada tahap sederhana. Kekangan semasa pelaksanaan kaedah TRS adalah daripada aspek masa. Faktor-faktor kekangan yang menyebabkan sebahagian responden tidak melaksanakan kaedah TRS dalam P & P kimia adalah faktor kekangan masa, sikap pelajar, pengurusan dan pengetahuan guru. Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar kimia responden dengan pelaksanaan kaedah TRS. Kajian ini menyumbang maklumat kepada pihak sekolah, pejabat pelajaran daerah, jabatan pelajaran negeri dan KPM tentang tahap pelaksanaan kaedah TRS dan faktor-faktor kekangan yang merangkumi masa, sikap pelajar, pengurusan kaedah TRS dan pengetahuan guru dalam pelaksanaan kaedah TRS. Dengan itu, langkah-langkah yang sesuai boleh diambil bagi mengatasi kekangan tersebut.





## **IMPLEMENTATION OF PEER TUTORING METHODS (TRS) IN CHEMISTRY TEACHING AND LEARNING IN SECONDARY SCHOOL IN KLUANG AND BATU PAHAT, JOHOR.**

### **ABSTRACT**

This study aims to identify the level of implementation of peer tutoring method (TRS) in chemistry teaching and learning for secondary schools. The investigation of the implementation of the TRS also involved constraints during the implementation of the TRS, factors that cause instructors to not implement the TRS, and co-relationship between chemistry instructors' teaching experiences in the implementation of TRS. The study focused on 44 secondary schools in Kluang and Batu Pahat which involved all chemistry instructors, for a total of 87 respondents. This research is a descriptive study conducted by using survey through a set of questionnaires. The data collected were analysed using descriptive statistics which include calculation of frequency and mode is determined; and inferential statistics which involve Chi-squared test and Cramer's V association. Results showed that the implementation of TRS among chemistry instructors in secondary schools in Kluang and Batu Pahat is moderate. The constraint reported in the implementation of TRS is the aspect related to time constraint. Factors that caused the respondents to not implement TRS include time constraint, students' attitudes, management of TRS and instructors' knowledge. There is no relationship between the chemistry instructors' teaching experience in the implementation of TRS. The feedback provides the school, district education department, state education department and Ministry Of Education in regards with the levels of implementation of the TRS and contributing factors to the constraints in TRS implementation which include time constraint, students' attitudes, management of TRS and instructors' knowledge. Therefore, relevant steps can be taken to overcome the constraints.





## KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

## BAB 1 PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.8 Rational Dan Kepentingan Kajian	16
1.9 Skop Kajian	18
1.10 Batas Kajian	18
1.11 Definisi Operasi	18
1.11.1 Pelaksanaan	19
1.11.2 Kaedah	19





1.11.3	Tutor Rakan Sebaya	19
1.11.4	Rakan Sebaya	20
1.11.5	Kekangan Masa	20
1.11.6	Sikap Pelajar	20
1.11.7	Pengurusan	21
1.11.8	Pengetahuan Guru Tentang Kaedah Tutor Rakan Sebaya	21
1.10.5	Sikap Guru	22
1.10.6	Pengalaman Mengajar Kimia	22
1.12	Penutup	22

## BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	23
2.1	Pembelajaran Rakan Sebaya	24
2.3	Teori Pembelajaran Dalam Konteks Sosial	25
2.4	Pembelajaran Koperatif (PK)	29
2.4.1	Ciri-ciri Pembelajaran Koperatif	30
2.4.2	Kebaikan Pendekatan Pembelajaran Koperatif	32
2.5	Pembelajaran Kolaboratif	34
2.5.1	Ciri-ciri Pembelajaran Kolaboratif	37
2.5.2	Kebaikan Pembelajaran Kolaboratif	38
2.6	Tutor Rakan Sebaya (TRS)	39
2.6.1	Ciri-ciri Kaedah Tutor Rakan Sebaya	42
2.6.2	Jenis Kaedah Tutor Rakan Sebaya	43
2.6.3	Tatacara Pengendalian Kaedah TRS	46
2.6.4	Kebaikan kaedah Tutor Rakan Sebaya	47
2.6.4.1	Kedua-dua tutor dan tutee	47





2.6.4.2	Tutor	49
2.6.4.3	Tutee	50
2.6.4.4	Sekolah	51
2.6.4	Keberkesanan Kaedah Tutor Rakan Sebaya	52
2.7	Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Rakan Sebaya	53
2.7.1	Kekangan Masa	54
2.7.2	Sikap Pelajar	55
2.7.3	Pengurusan	56
2.7.4	Pengetahuan Guru	57
2.7.5	Sikap Guru	58
2.7.6	Pengalaman Mengajar Guru	61
2.8	Kajian-kajian Berkaitan Faktor-faktor Dalam Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Rakan Sebaya	62
2.8.1	Kajian Di Luar Negara	62
2.8.2	Kajian Di Dalam Negara	63
2.8.3	Pandangan Penyelidik Yang Berkaitan	67
2.9	Penutup	69
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	70
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	71
3.4	Instrumen Kajian	72
3.5	Prosedur Kajian	74
3.6	Kajian Rintis	75
3.7	Analisis Data	76





3.8 Penutup	80
-------------	----

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	81
4.2 Latar Belakang Responden	81
4.3 Tahap Pelaksanaan Kaedah Tutor Rakan Sebaya	84
4.3.1 Tatacara Pengendalian Kaedah TRS Bagi Guru Kimia Yang Melaksanakan Kaedah TRS	84
4.4 Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS	86
4.5 Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS	92
4.6 Hubungan Antara Pengalaman Mengajar Kimia Guru Dengan Pelaksanaan Kaedah TRS	98
4.7 Penutup	101



## BAB 5 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	
5.2 Perbincangan	103
5.2.1 Latar Belakang Responden	104
5.2.2 Tahap Pelaksanaan Kaedah Tutor Rakan Sebaya	105
5.2.3 Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS	107
5.2.3.1 Kekangan masa	107
5.2.3.2 Sikap pelajar	109
5.2.3.3 Pengurusan	110
5.2.3.4 Pengetahuan guru	110
5.2.3.5 Sikap guru	111





5.2.3.6 Rumusan Bagi Faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS 113

5.2.4 Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS 113

5.2.4.1 Kekangan masa 113

5.2.4.2 Sikap pelajar 114

5.2.4.3 Pengurusan 116

5.2.4.4 Pengetahuan guru 117

5.2.4.5 Sikap guru 118

5.2.4.6 Rumusan Bagi Faktor-faktor Kekangan Dalam Pelaksanaan Dalam Kalangan Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS 120

5.2.5 Dapatkan Lain Mengenai Aspek Berkaitan Pelaksanaan Kaedah TRS 121



5.2.6 Hubungan Antara Pengalaman Mengajar Kimia Guru Dengan Pelaksanaan Kaedah TRS 125

5.3 Kesimpulan 125

5.4 Implikasi Kajian 127

5.3.1 Kekangan Masa 128

5.3.2 Sikap Pelajar 129

5.3.3 Pengurusan 130

5.3.4 Pengetahuan Guru 131

5.3.5 Sikap Guru 132

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 133

5.6 Penutup 134

135

## RUJUKAN





## LAMPIRAN

- A Kepelbagaiannya Jenis Dalam Kaedah TRS (Versi Bahasa Inggeris)
- B Instrumen Kajian-Borang Soal Selidik
- C Jadual Kekerapan Dan Peratusan Bagi Tatacara Pengendalian Kaedah TRS Oleh Guru Kimia Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- D Jadual Kekerapan Dan Peratusan Aspek Kekangan Masa Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- E Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Sikap Pelajar Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- F Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Pengurusan Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- G Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- H Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Sikap Guru Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Melaksanakan Kaedah TRS
- I Jadual Kekerapan Dan Peratusan Aspek Kekangan Masa Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS
- J Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Sikap Pelajar Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS
- K Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Pengurusan Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS
- L Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS
- M Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Aspek Sikap Guru Dalam Pelaksanaan Kaedah TRS Bagi Guru Yang Tidak Melaksanakan Kaedah TRS





- N Jadual Analisis Kekerapan Dan Peratusan Bilangan Waktu Mengajar Seminggu Dan Bilangan Tugas Lain Yang Dipertanggungjawabkan Di Sekolah
- O Surat Penerimaan Cadangan Penyelidikan Oleh Fakulti Sains Dan Matematik, UPSI
- P Surat Kelulusan Penyelidikan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan dasar Pendidikan KPM (EPRD)
- Q Surat Kebenaran Penyelidikan Jabatan Pelajaran Negeri Johor
- R Surat Memohon Maklumat Keputusan SPM





## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Peratus kelulusan bagi mata pelajaran kimia dalam peperiksaan SPM di daerah Kluang dan Batu Pahat dari tahun 2007 hingga tahun 2012	11
1.2 Gred purata mata pelajaran bagi mata pelajaran kimia dalam peperiksaan SPM di daerah Kluang dari tahun 2007 hingga tahun 2012	11
3.1 Jadual taburan pengelasan item soal selidik bagi aspek kekangan masa, sikap pelajar, pengurusan, pengetahuan guru tentang kaedah TRS dan sikap guru	73
3.2 Nilai Alpha Cronbach bagi setiap aspek yang dikaji	76
3.3 Tahap pelaksanaan kaedah TRS mengikut peratus bilangan guru yang melaksanakan kaedah TRS di sekolah menengah harian	77
3.4 Kekuatan pekali korelasi Cramer V	79
4.1 Maklumat latar belakang responden	83
4.2 Pelaksanaan kaedah TRS dalam P d P kimia	84
4.3 Bilangan tatacara pengendalian yang diputuhui oleh responden yang melaksanakan kaedah TRS	85
4.4 Tatacara pengendalian kaedah TRS oleh guru kimia yang melaksanakan kaedah TRS	86
4.5 Aspek kekangan masa dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	87
4.6 Aspek sikap pelajar dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	88
4.7 Aspek pengurusan dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	89
4.8 Aspek pengetahuan guru dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	90
4.9 Aspek sikap guru dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	91





4.10	Rumusan jumlah kekerapan dan purata peratusan bagi aspek dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah TRS	92
4.11	Aspek kekangan masa dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	93
4.12	Aspek sikap pelajar dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	94
4.13	Aspek pengurusan dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	95
4.14	Aspek pengetahuan guru dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	96
4.15	Aspek sikap guru dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	97
4.16	Rumusan jumlah kekerapan dan purata peratusan bagi aspek-aspek berkaitan pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS	98
4.17	Hubungan antara pengalaman mengajar kimia responden dengan pelaksanaan kaedah TRS (korelasi Cramer V)	99
4.18	Ujian Khi Kuasa Dua ( <i>Chi-Square</i> )	100
4.19	Nilai Cramer V	101





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual Kajian	15
2.1 Kepelbagaian jenis dalam kaedah TRS	39



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

EPRD	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan dasar Pendidikan
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
KBSM	Kurikulum Bresepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
P d P	Pengajaran dan Pembelajaran
PK	Pembelajaran Koperatif
PKA	Pusat Kecemerlangan Akademik
PMM	Program Mentor-mentee
PTM	Program Tutor Muda
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
TRS	Tutor Rakan Sebaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perkara yang dibincangkan merangkumi latar belakang masalah, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kerangka konseptual kajian, rational dan kepentingan kajian. Selain itu, skop kajian, batasan kajian dan definisi operasi turut dibincang bagi menjelaskan penyelidikan yang dijalankan.

#### 1.2 Latar Belakang Masalah

Kimia memainkan peranan yang penting dalam membawa negara kita menjadi sebuah negara maju untuk memenuhi Wawasan 2020. Mata pelajaran Kimia Kurikulum



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah program dua tahun untuk pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima. Sukatan pelajaran dalam kurikulum kimia disusun turut mengikut empat tema: Memperkenalkan kimia, jirim di sekeliling kita, interaksi antara bahan kimia serta penghasilan dan pengurusan bahan kimia. Tema tersebut disusun bagi mewujudkan perkaitan antara pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kimia (Abu Hassan, 2003). Kurikulum ini dirancang bagi membolehkan pelajar memahami bidang kimia dengan lebih mendalam daripada aspek teori, konsep dan aplikasi dalam kehidupan harian; di samping mengembangkan kebolehan mereka untuk mengenali dan menyelesaikan masalah yang berkaitan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Pemerolehan dan penguasaan pengetahuan serta kemahiran yang berkaitan dengan kimia menyediakan pelajar untuk menangani perubahan dan menyumbang ke arah pengurusan diri dan alam sekitar dengan penuh



tanggungjawab, demi kesejahteraan hidup. Kurikulum kimia bertujuan menghasilkan pelajar yang aktif melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang telah dicadangkan. Justeru kurikulum kimia menekankan pendekatan inkir, strategi berfikir dan pembelajaran berfikrah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P d P).

Dalam Kimia KBSM yang dilaksanakan pada tahun 1989 telah memberi penekanan kepada lima pendekatan P d P utama iaitu pembelajaran konstruktivisme, inkir penemuan, masteri, kontekstual, serta sains, teknologi dan masyarakat. Kurikulum baharu ini digubal agar dapat melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Banyak usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selaras dengan garis panduan pelaksanaan KBSM agar pembelajaran bermakna





berlaku dalam kalangan pelajar, namun masih ramai guru, penyelidik, dan pendidik menganggap mata pelajaran kimia suatu mata pelajaran yang sukar untuk dibelajari pelajar (Abd Hamid, 2000). Kajian menunjukkan pencapaian dalam mata pelajaran sains, terutamanya kimia, dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah rendah. Abdul Hamid (2000) menyatakan terdapat banyak faktor yang mungkin menjadi penyumbang kepada berlakunya keadaan ini, antaranya kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran kimia. Abdul Hamid juga berpendapat kebanyakan pelajar kurang berminat untuk belajar sains (kimia) kerana mereka kurang yakin, takut untuk bersaing dan takut gagal. Keadaan ini telah berlanjutan sehingga merosotnya bilangan pelajar aliran sains telah menjadi isu hangat semasa. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan penubuhan jawatankuasa khas bagi mengkaji punca serta penyelesaian kepada isu tersebut. Kementerian Pelajaran dilaporkan



memandang serius isu kerosotan minat pelajar dalam bidang sains dan matematik iaitu hanya 29 peratus sahaja bagi sains tulen. Jumlah ini tidak mencapai sasaran yang sepatutnya iaitu 60 peratus dalam bidang sains dan 40 peratus aliran sastera atau kemanusiaan (Borneo Post Online, 2012). Tidak dapat dinafikan bukanlah mudah untuk pelajar mendapat kelulusan cemerlang dalam bidang sains kerana ia dikatakan lebih sukar jika dibandingkan dengan mata pelajaran sastera atau kemanusiaan (Alimuddin, 2012). Alimuddin juga berpandangan ada pelajar yang ingin mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM atau STPM akan memilih bidang kemanusiaan atau vokasional walaupun mereka layak mengikuti bidang sains. Hal ini kerana dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan itu, mereka boleh diterima dengan mudah ke institusi pengajian tinggi dan memilih subjek yang mereka minati.





Kebanyakan guru kimia begitu prihatin terhadap pemahaman idea asas kimia, namun masih banyak kritikan mengatakan ramai pelajar tidak dapat menguasai konsep asas yang diperlukan. Kesukaran pembelajaran dalam bidang sains mungkin berpunca daripada cara yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan sesuatu konsep kepada pelajar. Kaedah pengajaran sains yang tidak berkesan merupakan faktor utama menyumbangkan kekurangan minat pelajar mengikuti aliran sains (Sharifah Maimunah & Lewin, 1993), menyebabkan pelajar menjadi pasif dan kurang berinteraksi sesama rakan mereka dalam melakukan tugas (Suhaida, 2002). Kaedah tersebut termasuk pengajaran guru sains berorientasikan penghafalan fakta-fakta sains yang dipermudahkan (Yakubu, 1992) dan tajuk-tajuk yang sukar diajar dan difahami oleh pelajar ditinggalkan oleh guru sains. Selain itu, pengajaran guru sains lebih kepada menyalin nota di papan tulis dan guru sains mengambil jalan mudah dengan



meminta pelajar menghafal rumus-rumus penyelesaian masalah kerana tidak menguasai konsep-konsep sains dengan baik (Sharifah Maimunah & Lewin, 1993). Didapati ramai pelajar menghafal sesuatu konsep yang dipelajari tanpa memahami apa yang mereka perkatakan (Alias, 1998).

Ada guru yang masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional yang kurang berpusatkan pelajar walaupun telah didedahkan dengan konsep kurikulum baharu dan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar yang menekankan pembelajaran berfikrah sejak lebih dari dua dekad yang lalu. Dalam transformasi pendidikan, masyarakat semakin menaruh permintaan kepada para guru untuk menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam memilih kaedah pembelajaran yang digunakan, yang seharusnya disesuaikan dengan kurikulum pelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar (Suyuti, 2011). Peranan guru dalam bilik darjah bukan lagi sebagai pengajar,





tetapi sebagai fasilitator yang dapat membimbing aktiviti pembelajaran dan mewujudkan komunikasi banyak hala. Pembelajaran berpusatkan pelajar adalah penting dan perlu diwujudkan dalam bilik darjah (Crow, 2004). Tidak dapat dinafikan bahawa ada guru yang kurang memberi perhatian dan bimbingan yang mencukupi kepada semua pelajar terutamanya pelajar berpencapaian rendah (Lokman & Farida, 2010). Keadaan sedemikian boleh menyebabkan kegagalan pembelajaran berfikrah dalam kalangan pelajar. Akibatnya, sebahagian pelajar mencari tuisyen semata-mata untuk membolehkan mereka mendapat gred yang baik dalam peperiksaan (Mazliyana, 2006), dan ada yang hilang minat atau motivasi terhadap subjek tersebut (Md Zohri, 2006).

Ramai guru menghadapi tekanan untuk menghabiskan sukanan pelajaran



seperti yang dirancangkan menyebabkan mereka mengajar isi kandungan yang dianggap ‘popular’ dalam peperiksaan (Norasiken, 2007). Sesetengah guru hanya menghabiskan sukanan pelajaran dan mengabaikan penguasaan dalam kalangan pelajar terutama topik yang sukar dan abstrak (Noor Aniszah, 2011). Keadaan ini sememangnya telah bercanggah dengan hasrat KPM untuk melahirkan pelajar yang menguasai konsep kimia dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Sementara itu, Laporan Pembangunan Pendidikan Negara Malaysia tahun 1997 menyatakan kerja berkumpulan dalam kumpulan kecil sangat digalakkan sebagai satu strategi P d P tetapi pada hakikatnya saiz kelas besar mencecah lebih daripada 35 orang pelajar sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah menghalang guru daripada mengamalkannya. Pelajar diajar seperti kelas biasa walaupun mereka dibahagikan kepada kumpulan. Kerja berkumpulan bertujuan sebagai satu perubahan pedagogi tidak berfungsi seperti yang dicadang oleh perancang tetapi semata-matanya untuk





penyusunan semula tempat duduk pelajar (Laporan Pembangunan Pendidikan Negara Malaysia, 1997).

Pembelajaran bermakna dalam kalangan pelajar sering diberi penekanan namun pengajaran sebahagian guru lebih berorientasikan peperiksaan. Sistem pembelajaran kini seolah-olah hanya untuk menghabiskan sukanan pelajaran. Pelajar dikatakan cenderung belajar secara pasif. Mereka hanya menghafal nota-nota guru dan mencurahkan semula perkara yang dihafal itu semasa peperiksaan. Keadaan ini cuma melahirkan pelajar struktural yang kuat ingatan menghafal dan mengingat pelajaran berbanding memberi pendidikan holistik yang melahirkan pelajar inovatif dan kreatif (Zulkeflee, 2010).



keputusan peperiksaan umum yang cemerlang. Penilaian formatif semasa proses pembelajaran kurang diberi fokus sedangkan penilaian ini dapat menentukan pembelajaran masteri berlaku atau tidak dalam kalangan pelajar (James, 2008). Keadaan ini boleh menyebabkan kelemahan dalam P d P tidak dapat dikenal pasti dan masalah penguasaan konsep yang lemah tidak dapat dikesan pada peringkat awal seterusnya tindakan yang sesuai tidak diambil. Pelajar-pelajar boleh menghadapi masalah untuk mengikuti pelajaran yang akan datang sedangkan pengetahuan sedia ada mereka tidak terbina secara sempurna dari awal lagi. Akibatnya, semakin banyak konsep tidak dapat dikuasai, minat dan motivasi untuk belajar kimia turut hilang (Md Zohri, 2006).





Antara kaedah yang cuba dilaksanakan oleh pihak pentadbir sekolah dan guru bagi mengatasi masalah pencapaian kimia yang rendah dalam kalangan pelajar seperti bengkel teknik menjawab soalan, kelas tambahan, latih tubi, klinik (kelas pemulihan), bimbingan emas, guru muda, ‘*young chemist*’, tutor rakan sebaya dan sebagainya. Usaha-usaha ini sememangnya dapat mengatasi masalah tersebut sekiranya dilakukan berteraskan kepada matlamat lima pendekatan P d P yang ditekankan dalam KBSM tetapi fenomena yang sedang berlaku adalah pencapaian kimia masih berada pada tahap yang kurang memberangsangkan sehingga menjadi persoalan bagi ibu bapa dan para pendidik. Adakah proses pelaksanaan strategi yang telah dinyatakan berteraskan kepada pendekatan P d P yang ditekankan dalam garis panduan KBSM? Adakah pelaksanaan strategi ini semata-mata untuk membantu pelajar lemah menjawab soalan supaya lulus dalam peperiksaan SPM dan bukan penguasaan konsep sepenuhnya?



Kaedah tutor rakan sebaya (TRS) merupakan satu alternatif untuk membantu pelajar berpencapaian rendah di samping mengembangkan penguasaan yang lebih mendalam bagi pelajar yang menjadi tutor. Kaedah ini memberi kesan positif yang terbukti terhadap proses pembelajaran di sekolah (Horvath, 2011). TRS memberi impak kepada pendidikan kerana motivasi dalaman dapat dipupuk dan kemahiran kognitif dipertingkatkan dalam kalangan rakan sebaya (Fuch et al., 1994), meningkatkan pembangunan sosial dan akademik bagi kedua-dua tutor dan tutee, meningkatkan kemahiran interpersonal tutor, meningkatkan perasaan berkebolehan, dan kawalan individu. Banyak kajian menunjukkan bahawa TRS adalah suatu kaedah pembelajaran konstruktivisme yang menekankan pembelajaran penemuan dan melihat pemerolehan pengetahuan sebagai satu aktiviti sosial (Topping & Ehly, 1998). Kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran yang diterbit daripada pembelajaran koperatif





yang mementingkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Kaedah ini sangat giat dilaksanakan di luar negara seperti Amerika Syarikat, England, Australia, Israel, Indonesia dan lain-lain untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran seperti matematik, bahasa, dan sains; di samping meningkatkan kemahiran interpersonal dan sosial serta motivasi untuk belajar (Goodlad, 1998). Guru di negara tersebut digalakkan memberi peluang kepada pelajar yang telah dapat menguasai sesuatu konsep untuk membimbing pelajar lemah sama ada dalam kumpulan kecil atau secara berpasangan dengan bantuan rakan sebaya.

Di Malaysia, antara institusi yang melaksanakan kaedah TRS secara formal dan bersistem adalah sekolah menengah berasrama penuh seperti sekolah menengah sains dan Pusat Kecemerlangan Akademik (PKA), Universiti Teknologi Mara (UiTM),

Terengganu. Di sekolah menengah sains, kaedah TRS telah menjadi program tetap yang dijalankan bagi meningkatkan prestasi beberapa subjek kritikal seperti kimia, fizik, biologi dan matematik tambahan. Di PKA, UiTM pula, tema bagi program TRS ialah *Peer Tutoring* Pembentuk Generasi Cemerlang (Zuraini et al., 2006). Dua program utama yang diaturkan ialah Program Mentor-Mentee (PMM) dan juga Program Tutor Muda (PTM). PTM yang menerapkan konsep *peer tutoring* pula merupakan satu program bagi pembentukan budaya mencari ilmu dan juga budaya kecemerlangan bersama. PTM dikendalikan oleh tutor yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang bagi menggilap kecemerlangan mereka melalui khidmat sosial dan menunaikan tanggungjawab kepada warga kampus yang memerlukannya. Salah satu rational bagi pelaksanaan program PTM di PKA, UiTM ialah ilmu kimia menjadi sangat penting dan menyenangkan untuk dipelajari apabila pengajar benar-benar mampu mengoptimalkan media, suasana yang menyenangkan dan ingin belajar





dari pada keadaan yang terus berubah. Di PKA, UiTM, pendekatan *Peer Teaching* dengan tutor rakan sebaya adalah bentuk pembelajaran yang memadukan kemampuan berfikir (*mind*), memperoleh fakta-fakta (*acquire the fact*), menyelidiki makna (*search out the meaning*), memicu ingatan (*trigger the memory*), mempersempahkan apa yang kita ketahui (*exhibit what you know*), dan merefleksikan (*reflect*).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran kimia di daerah Kluang dan Batu Pahat dari tahun 2007 hingga tahun 2012 ditunjukkan dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2. Pencapaian dari segi peratus kelulusan

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi agak tinggi iaitu melebihi 90% dalam enam tahun berturut-turut di kedua-dua daerah Kluang (kecuali tahun 2007 dan 2011) dan Batu Pahat namun pencapaian dalam gred purata mata pelajaran pula terletak antara 6.37 hingga 5.16 iaitu rata-ratanya pelajar mendapat gred C+ atau C sahaja. Selain itu, pencapaian mata pelajaran kimia tidak menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam enam tahun berturut-turut dan boleh dikatakan berada pada tahap yang kurang memuaskan. Keputusan ini nyatanya tidak mempamerkan gred purata mata pelajaran yang berkualiti dan pelajar belum benar-benar menguasai konsep kimia. Pencapaian akademik kimia yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pelajar menjadi isu utama kepada guru, sekolah dan ibu bapa sedangkan pelbagai strategi telah dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.





### Jadual 1.1

*Peratus Kelulusan bagi mata pelajaran kimia dalam peperiksaan SPM di daerah Kluang dan Batu Pahat dari tahun 2007 hingga tahun 2011*

Daerah	Peratus Kelulusan (%)					
	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kluang	83.12	94.80	91.27	92.97	89.07	95.16
Batu Pahat	93.11	97.12	95.04	98.32	96.35	98.10

Sumber: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia

### Jadual 1.2

*Gred purata mata pelajaran bagi mata pelajaran kimia dalam peperiksaan SPM di daerah Kluang dan Batu Pahat dari tahun 2007 hingga tahun 2011*

Daerah	Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)*					
	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Kluang	6.37	5.66	5.74	5.50	5.55	5.46
Batu Pahat	6.10	5.68	5.27	5.20	5.29	5.16

\* Catatan: Semakin rendah nilai GPMP, semakin baik prestasi mata pelajaran

Sumber: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pelbagai program kecemerlangan telah dijalankan untuk mengatasi masalah pencapaian yang kurang memuaskan (Aziz & Ami, 2010) bagi mata pelajaran kimia di kedua-dua daerah seperti bengkel teknik menjawab soalan, kelas tambahan, latih tubi, klinik (kelas pemulihan), guru muda dan sebagainya namun pencapaian kimia dalam gred purata mata pelajaran masih kurang memberangsangkan. Persoalan yang timbul seperti adakah kaedah atau program kecemerlangan yang dilaksanakan tidak menjurus kepada pembelajaran bermakna? Adakah kaedah yang dilaksanakan masih berpusatkan guru, tanpa penglibatan aktif pelajar? Walau bagaimanapun, masalah pencapaian ini berpotensi untuk diperbaiki sekiranya tindakan yang sesuai diambil bagi mengatasi masalah tersebut.





Banyak kajian telah menunjukkan kesan positif daripada pelaksanaan kaedah TRS terhadap pencapaian pelajar (Goodlad, 1998; Hairul Nizam, 1999; Topping, 2005; Horvath, 2011), namun kaedah ini nampaknya kurang dipraktikkan di sekolah menengah harian (kebangsaan) berbanding dengan pelaksanaan yang konsisten di sekolah berasrama penuh seperti sekolah menengah sains di negara kita. Penyelidikan untuk mengkaji tahap pelaksanaan kaedah TRS, faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi menangani masalah penguasaan konsep kimia yang lemah masih belum pernah dijalankan di Malaysia. Sehubungan itu, satu kajian untuk mengkaji aspek-aspek tersebut daripada persepsi guru untuk membantu pembelajaran masteri pelajar berpencapaian rendah adalah diperlukan.



Secara umum, kajian yang dijalankan bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru yang melaksanakan kaedah TRS.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan kaedah TRS.





Secara khusus, kajian yang dijalankan bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru kimia di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru yang melaksanakan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru yang tidak melaksanakan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara pengalaman mengajar kimia dengan pelaksanaan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor.



## 1.5 Soalan Kajian

Soalan bagi kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap pelaksanaan kaedah TRS dalam kalangan guru kimia di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor?
- ii. Apakah faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan dalam kalangan guru kimia yang melaksanakan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor?
- iii. Apakah faktor-faktorkekangan dalam pelaksanaan dalam kalangan guru kimia yang tidak melaksanakan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor?





- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar kimia guru dengan pelaksanaan kaedah TRS di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif (iv), hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

$H_0$ : Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar kimia dengan pelaksanaan TRS oleh guru kimia di sekolah menengah harian daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor.



## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Piaget dan Vygotsky, pembelajaran koperatif, pembelajaran kolaboratif dan kaedah TRS merupakan pembelajaran rakan sebaya yang berlandaskan tiga teori iaitu teori kognitif, teori konstruktivisme sosial dan teori motivasi (Smith et al., 2004).


Dengan berpandukan pada kajian-kajian lepas oleh Muhammin (2011), Surina et. al. (2010), Ismail (2009), Azizi et al. (2007), Wade (2006), Siegel (2005), Abrami et al. (2004), Falchikov (2005 & 2001), King-Sears (2001), Hairul Nizam (1999), Topping (1988), aspek-aspek berkaitan faktor-faktor kekangan yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran koperatif, pembelajaran kolaboratif dan kaedah TRS adalah seperti pengalaman dan pengetahuan guru, kesesuaian antara falsafah guru dan kaedah pengajaran, inovasi guru, keyakinan guru, sikap guru, praktikal untuk pelaksanaan,





latihan prinsip-prinsip pembelajaran koperatif, masa, kesukaran untuk dilaksanakan kerana guru hilang kawalan terhadap pelajar, bahan rujukan, sikap pelajar, dan pengurusan. Kerangka konseptual kajian Muhaimin (2011) telah diadaptasi bagi kajian ini di mana lima faktor penting iaitu kekangan masa, pengurusan, pengetahuan, sikap pelajar dan sikap guru akan dikaji sama ada merupakan faktor kekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS daripada persepsi guru. Faktor pengalaman mengajar guru pula dikaji dengan mengenalpasti hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan pelaksanaan kaedah TRS.

Hubungan antara faktor-faktor kekangan yang mempengaruhi pelaksanaan TRS ditunjukkan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian





## 1.8 Rational Dan Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharapkan dapat memberi maklumat kepada KPM tentang tahap pelaksanaan kaedah TRS dan faktor-faktor kekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS bagi guru yang melaksanakan kaedah tersebut di samping faktor-faktor kekangan yang mungkin menyebabkan guru kimia tidak melaksanakan kaedah ini dalam P d P kimia di sekolah menengah harian di samping memberi kesedaran tentang tahap penerimaan guru terhadap transformasi kaedah pengajaran. Maklumat ini adalah penting bagi pihak kementerian agar dapat memperhalusi cadangan pendekatan atau strategi P d P untuk mencapai sasaran dalam kurikulum kimia. Seterusnya, KPM dapat merangka dasar latihan perguruan pada masa depan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kaedah pengajaran yang inovatif bagi memantapkan penguasaan dan



Maklumat yang diperolehi daripada kajian juga diharapkan dapat memanfaatkan pihak sekolah dan pejabat pelajaran daerah serta jabatan pelajaran dengan memberi gambaran kepada pihak tersebut tentang faktor-faktor yang mempengaruhi guru dalam pelaksanaan kaedah TRS. Dengan itu, langkah-langkah yang sesuai boleh diambil bagi membolehkan kaedah TRS dilaksanakan secara efektif dan bermakna. Keadaan ini akan mendorong guru terus berkomited sebagai pelaksana dan seterusnya dapat mempengaruhi guru yang belum pernah melaksana untuk mencuba.

Kajian ini diharapkan akan memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan keberkesanan TRS di sekolah dan memberi idea baharu kepada guru sekolah





menengah harian yang belum pernah melaksanakan kaedah TRS bahawa kaedah ini merupakan satu alternatif yang sesuai dan perlu dilaksanakan bagi membantu guru memastikan penguasaan konsep kimia dalam kalangan pelajar berpencapaian rendah secara berkesan. Tambahan pula, kajian ini juga akan dapat membantu guru dalam menangani kekangan yang mungkin dihadapi semasa pelaksanaan kaedah TRS. Dengan itu, guru dapat menambahbaik kualiti pengajaran dan hasrat untuk meningkatkan pencapaian keputusan kimia SPM dari segi kualiti dan kuantiti dapat dicapai.

Kajian yang dijalankan juga diharapkan dapat mengubah persepsi guru terhadap TRS, suatu kaedah pengajaran yang inovatif di dalam kelas. Inisiatif guru untuk mengatasi kekangan yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan dapat dipertingkatkan dan ini dapat memanfaatkan pelajar. Melalui kaedah TRS yang menggalakkan interaksi dan kerjasama dalam kalangan pelajar yang berlainan tahap kebolehan akademik, dapatan kajian ini juga diharap akan mengubah persepsi sebahagian pelajar bahawa kimia adalah satu mata pelajaran yang sukar dan hanya boleh dikuasai oleh pelajar berprestasi tinggi sahaja. Pengalihan kuasa kepada tutor (pelajar berpencapaian tinggi) sebagai pakar rujuk memastikan pelajar berpencapaian rendah terus diberi perhatian dan menerima bimbingan yang sewajarnya semasa membuat tugas dan semasa guru menghadiri kursus atau menjalankan tugas lain. Seterusnya lebih ramai pelajar berminat mendalami ilmu kimia sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Secara tidak langsung, pencapaian pelajar dalam peperiksaan turut ditingkatkan.





## 1.9 Skop Kajian

Aspek yang akan dikaji dalam penyelidikan ini adalah tahap pelaksanaan kaedah TRS dalam P d P kimia dan faktor-faktor kekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS yang mempengaruhi guru melaksana atau tidak melaksanakan kaedah ini dalam P d P kimia di sekolah menengah harian (kebangsaan), daripada persepsi guru. Semua jenis teknik dalam kaedah TRS dilibatkan dalam kajian ini.

## 1.10 Batas Kajian

Kajian ini hanya melibatkan 87 orang guru kimia SPM yang mengajar di sekolah menengah harian (kebangsaan) di daerah Kluang dan Batu Pahat, Johor. Bilangan responden yang terlibat tidak mewakili populasi sebenar semua guru kimia SPM di seluruh negara Malaysia. Kajian ini terbatas kepada penggunaan instrumen yang dibina khusus untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan kaedah TRS dan meninjau aspek-aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan kaedah TRS dalam P d P kimia.

## 1.11 Definisi Operasi

Beberapa istilah yang terlibat dalam kajian ini diberi penerangan secara terperinci bagi menjelaskan aspek berkaitan bagi istilah tersebut. Maksud bagi istilah-istilah ini adalah berpandukan Kamun Dewan Edisi Ke-4 (2005) dan kajian-kajian lepas.





### 1.11.1 Pelaksanaan

Pelaksanaan adalah proses melaksanakan atau menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan (tugas dan sebagainya). Dalam kajian ini, pelaksanaan adalah proses melaksanakan kaedah TRS yang mengikut sebelas (11) tatacara pengendalian yang disyorkan oleh Topping (1988) dan Goodlad (1998) seperti yang dibincangkan dalam Bab 2.

### 1.11.2 Kaedah

Kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem



atau yang biasa. Dalam kajian ini, kaedah bermaksud cara yang melibatkan pengajaran yang diberikan oleh pelajar yang lebih tinggi prestasi kepada yang lain.

### 1.11.3 Tutor Rakan Sebaya

Tutor rakan sebaya melibatkan pengajaran yang diberikan pelajar kepada yang lain (Allen, 1976). Dalam kajian ini, pengajar dan pelajar yang diajar adalah sebaya tetapi pengajar lebih tinggi kelasnya dan sudah menguasai matlamat pembelajaran berkenaan (Topping, 1988).





#### 1.11.4 Rakan Sebaya

Rakan sebaya bermakna individu yang sama umur atau status dengan individu yang lain. Dalam kajian ini, rakan sebaya yang terlibat terdiri daripada sama ada pelajar tingkatan empat atau tingkatan lima aliran sains tulen yang sama umur.

#### 1.11.5 Kekangan Masa

Kekangan masa bermaksud larangan bagi menjalankan sesuatu akibat daripada kekurangan masa. Dalam kajian ini, aspek kekangan masa dalam pelaksanaan kaedah TRS yang terlibat adalah dari segi melatih pelajar, merancang pelaksanaan, menyediakan bahan pengajaran untuk kaedah TRS, melantik tutor, memantau perkembangan dan mengambil masa lebih lama berbanding peruntukan masa dalam jadual waktu.

#### 1.11.6 Sikap Pelajar

Sikap pelajar bermaksud perbuatan atau pandangan berdasarkan kepada sesuatu pendapat, fikiran dan lain-lain yang ada pada pelajar. Dalam konteks kajian ini, sikap pelajar merangkumi aspek tidak minat diajar oleh tutor, bermain atau membuang masa, tidak aktif atau sukar kerjasama semasa aktiviti TRS, tidak yakin dengan pengajaran tutor, tutor mendominasi aktiviti dan tutor memberi jawapan terus kepada tutee.





### 1.11.7 Pengurusan

Pengurusan ialah perbuatan atau hal mengurus sesuatu yang melibatkan proses menyelenggarakan, memimpin, mengatur, mengelolakan dan menjalankan sesuatu supaya berjalan dengan baik. Pengurusan dalam aspek pendidikan merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengawal pelajar, bahan dan peralatan yang terdapat di dalam bilik darjah semasa P d P dilaksanakan (T. C. Lim, 2007). Dalam kajian ini, pengurusan dirujuk kepada mengurus pelajar, membentuk kumpulan, mengetahui perkembangan sebenar pelajar, mengarah pelajar duduk bersama dalam kumpulan TRS, memantau tingkah laku dan menilai prestasi semasa aktiviti TRS dijalankan.



### 1.11.8 Pengetahuan Guru Tentang Kaedah Tutor Rakan Sebaya

Pengetahuan guru bermaksud ilmu dan kebolehan dalam sesuatu bidang yang ada pada guru. Pengetahuan tentang kaedah TRS dalam kajian ini melibatkan aspek bahan rujukan, pengetahuan untuk melaksana, konsep kaedah TRS, prinsip kaedah TRS, keberkesanan kaedah TRS, bahan pengajaran kaedah TRS, bahan bacaan dan kemahiran mengendalikan aktiviti TRS.





### 1.11.9 Sikap Guru

Sikap guru bermaksud perbuatan atau pandangan berdasarkan kepada sesuatu pendapat, fikiran dan lain-lain pada guru. Sikap guru melibatkan lima ciri yang jelas iaitu emosi, sasaran, arah tuju, kekuatan dan ketekalan. Dalam kajian ini, sikap guru yang dikaji melibatkan suka mengajar, berasa telah menguasai semua topik dalam subjek kimia, sentiasa bersedia untuk meningkatkan prestasi, berasa seronok mencuba kaedah baharu, berasa tidak leceh dan rumit mencuba kaedah baharu dan berasa sepenuh hati dalam melaksanakan tugas sebagai guru kimia.

### 1.11.10 Pengalaman Mengajar Kimia



Pengalaman bermaksud apa yang telah dialami, dirasai, ditempuh dan lain-lain. Pengalaman mengajar kimia dalam kajian ini dirujuk kepada tempoh masa guru mengajar mata pelajaran kimia dalam tahun.

## 1.12 Penutup

TRS dipercayai dapat membantu menangani pencapaian yang rendah dalam kalangan pelajar kimia sekiranya aplikasinya dirancang dengan mengambil kira faktor-faktor kekangan dalam pelaksanaan kaedah TRS di sekolah menengah harian daripada persepsi guru.

